


# Kau Kekasihku

*Anis Ayuni*

Download now

Read Online

# Kau Kekasihku

*Anis Ayuni*

**Kau Kekasihku** Anis Ayuni
"Aku dah tak berdaya berkawan dengan angan-angan bertemankan bayang-bayang"

Sinopsis Belakang Buku :

Hadirmu bagai sinar mentari pagi. Menerangi lorong kelam lagi sunyi yang selama ini kulalui. Melenyapkan kedukaan yang bagai berkurun lama memenjara jiwaku dalam sepi. Terasa kini, bahagia ada di mana-mana. Hanya dirimu yang bertakhta di hati.

Pandanglah ke dalam mataku... selamilah jauh hingga ke dasarnya. Pasti yang akan kau lihat adalah rinduku terhadapmu. Tapi, apakah getaran cinta yang meruntun hati hanya aku saja yang merasakannya? Zairi... hatimu sebenarnya untuk siapa? Mengapa kau terus membisu pada ketika aku amat yakin yang aku bukan berbayang seorang diri? Aku tahu cintaku berbalas, tapi mengapa tak pernah sekalipun kau melafazkannya?

Aku tahu perkahwinan bukan janji syurga... bukan janji bahagia, tapi sepenuh hati dan jiwa aku pertaruhkan. Aku sangka kita berkongsi impian yang serupa dalam membina istana bahagia, tapi rupa-rupanya kehadiranku bagai tak bermakna apa-apa. Reaksimu dingin dan beku. Menghampakan. Melontar diriku ke lembah duka nestapa.

Sungguh kesucianku tak tercela, tapi... aku difitnah oleh siapa sehingga kau tak mahu 'menyentuhku'? Aku ibarat musafir di padang pasir yang dahagakan setitis kasihmu. Menanti saat kau datang kepadaku dengan penuh rindu. Zairi... mengapa hubungan kita aneh begini? Aku tak mengerti, sandiwaramu. Rahsia apakah yang cuba kau sembunyikan hingga segalanya terus terpendam menjadi misteri?

Ah, lelaki... apakah sememangnya dilahirkan untuk melukakan hati perempuan? Dan perempuan pula, selama mana harus membiarkan hati terus terluka?

"Dhira percayalah... cuma kematian yang akan memisahkan kita berdua. I love you so very much. Hanya kau kekasihku..."

## Kau Kekasihku Details

| | | |
|---|---|---|
| Date | : | Published 2006 by Alaf 21 |
| ISBN | : | 9831242270 |
| Author | : | Anis Ayuni |
| Format | : | 533 pages |
| Genre | : | |

**Download** Kau Kekasihku ...pdf

**Read Online** Kau Kekasihku ...pdf

**Download and Read Free Online Kau Kekasihku Anis Ayuni**

# From Reader Review Kau Kekasihku for online ebook

## Nonie?serenity2bliss says

Ending cerita ni tergantung atau N jer yang rasa macam tu?

Cerita ni ada plus and minus point.

Plus point:

Masalah rumah tangga Zairi dan Dhira lain sedikit sebabnya ia jarang rasanya di 'highlightkan' dalam novel. So far, N tak pernah lar lagi baca tentangnya dalam novel, baik dalam novel Melayu mahupun English. Ia memanglah berlaku in real life, tapi so far tak pernah baca dibuat cerita.

Chemistry antara Dhira and Zairi memang hidup. Suka diorang sangat-sangat!

Minus point:

Permulaan cerita yang sangat bosan dan slow. Sebab tulah dapat 3 bintang jer.

Pertemuan pertama antara Zairi dan Dhira berlaku pada page 97. Maknanya, you all kena lah perihal dan baca bab-bab lain sebelum nak get to the good part.

Ending dia buat N rasa pelik. Macam tergantung jer sebab happy ending yang diharapkan tak menjadi.

Siapa yang kenakan Zairi masih tak terjawab dengan pasti.

---

## MamaErra says

Ego. Ianya sering dikaitkan dengan lelaki. Mereka ini payah untuk mengaku kesilapan dan kekurangan diri dan kerana sikap yang satu inilah selalunya membawa kepada kemusnahan di dalam satu-satu perhubungan. Fenomena inilah yang Anis Ayuni sampaikan di dalam novel Kau Kekasihku ini. Setelah mengetahui masalah yang melanda Zairi, walaupun pada mulanya, Dhira hanya mahu beralah dan mengundur diri... tetapi kerana kasih dan sayang pada suami tercinta, Dhira tidak cepat melatah. Dia tahu setiap permasalahan pasti ada penyebabnya dan setiap sebab pasti ada jalan penyelesaiannya. Selebihnya, dia berserah pada takdir...

Aku sarankan, novel ini patut dibaca oleh para suami dan isteri sebagai panduan dan pengajaran agar kita tidak cepat membuat kesimpulan ke atas apa yang berlaku dan terus menghukum suami/isteri di atas kesilapan yg mereka lakukan.

---

### azian2575 says

Dhira & Zairi

---

### Auni Anuar says

mantap ;)

---

### Yulia says

Sinopsis belakang novel:
Hadirmu bagai sinar mentari pagi. Menerangi lorong kelam lagi sunyi yang selama ini ku lalui. Melenyapkan kedukaan yang bagai berkurun lama memenjara jiwaku dalam sepi. Terasa kini, bahagia ada di mana-mana. Hanya dirimu yang bertakhta di hati.
Pandanglah ke dalam mataku.... selamilah jauh hingga ke dasranya. Pasti yang akan kau lihat adalah rinduku terhadapmu. Tapi, apakah getaran cinta yang meruntun hati hanya aku saja yang merasakannya? Zairi... hatimu sebenarnya untuk siapa? Mengapa kau terus membisu pada ketika aku amat yakin yang aku bukan berbayang seorang diri? Aku tahu cintaku berbalas, tapi mengapa tak pernah sekalipun kau melafazkannya?
Aku tahu perkahwinan bukan janji syurga... bukan janji bahagia, tapi sepenuh hati dan jiwa aku pertaruhkan. Aku sangka kita berkongsi impian yang serupa dalam membina istana bahagia, tapi rupa-rupanya kehadiranku bagai tak bermakna apa-apa. Reaksimu dingin dan beku.
Menghampakan. Melontar diriku ke lembah duka nestapa.
Sungguh kesucianku tak tercela, tapi.... aku difitnah oleh siapa sehingga kau tak mahu 'menyentuhku'? Aku ibarat musafir di padang pasir yang dahagakan setitis kasihmu. Menanti saat kau datang kepadaku dengan penuh rindu. Zairi... mengapa hubungan kita aneh begini? Aku tak mengerti, sandiwaramu. Rahsia apakah yang cuba kau sembunyikan hingga segalanya terus terpendam menjadi misteri?
Ah, lelaki... apakah sememangnya dilahirkan untuk melukakan hati perempuan? Dan perempuan pula, selama mana harus membiarkan hati teru terluka?
"Dhira percayalah... cuma kematian yang akan memisahkan kita berdua. I love you so very much. Hanya kau kekasihku"

Kau Kekasihku - Anis Ayuni (sedutan)
Sedikit sedutan:Malam itu aku keluar dengan Zairi. Kami makan malam di Restoran Seri Cendana, suasanasekeliling dan alunan lagu yang berirama perlahan mencetuskan suasana yang selesa dan santai. Aku menatap seraut wajah Zairi dengan penuh kasih. Mengulum senyuman di bibirnya. Pandangan matanya romantis dan mesra.
"Sempena hari jadi you, I nak nyanyi satu lagu."Walaupun aku tahu Zairi memang suka menyanyi, tapi sangkaku tentulah dia hanya bergurau kerana aku tidak fikir restoran ini menyediakan bilik khas untuk berkaraoke.
"You nak nyanyi lagu apa?" Soalku bergurau juga.

"Lagu yang paling popular dalam dunia. Dah sedia nak dengar?" Nada suaranya jelas menunjukkan yang dia serius. Sejenak berkerut-kerut dahiku membalas pandangan matanya. Kemudian aku tersenyum dan mengangguk lembut.
"Dengar, eh! Happy birthday to you, happy birthday to you, happy birthday to Dhira, happy birthday to you..."
Beralaun perlahan lagu nyanyiannya.Perasaanku di ketika itu bagai tidak keruan. Berbaur rasa. Gembira, terharu, malu dan entah apa lagi. Kami saling bertatapan. Untuk seketika aku merasakan yang ruang ini milik kami berdua.
"I've something for you," ucap Zairi.
Sesungguhnya aku tidak menginginkan apa juga pemberian, tapi berilah aku penjelasan tentang di mana letaknya aku dalam hatinya. Jangan biarkan aku terus tertanya-tanya dan tertunggu-tunggu. Tapi kalau diberinya sebentuk cincin, tentulah pemberian itu mempunyai makna. Begitu sekali aku mengharap.
posted by liya71

Kau Kekasihku - Anis Ayuni (sedutan) Sedikit sedutan:Malam itu aku keluar dengan Zairi. Kami makan malam di Restoran Seri Cendana, suasanasekeliling dan alunan lagu yang berirama perlahan mencetuskan suasana yang selesa dan santai. Aku menatap seraut wajah Zairi dengan penuh kasih. Mengulum senyuman di bibirnya. Pandangan matanya romantis dan mesra. "Sempena hari jadi you, I nak nyanyi satu lagu."Walaupun aku tahu Zairi memang suka menyanyi, tapi sangkaku tentulah dia hanya bergurau kerana aku tidak fikir restoran ini menyediakan bilik khas untuk berkaraoke. "You nak nyanyi lagu apa?" Soalku bergurau juga. "Lagu yang paling popular dalam dunia. Dah sedia nak dengar?" Nada suaranya jelas menunjukkan yang dia serius. Sejenak berkerut-kerut dahiku membalas pandangan matanya. Kemudian aku tersenyum dan mengangguk lembut. "Dengar, eh! Happy birthday to you, happy birthday to you, happy birthday to Dhira, happy birthday to you..." Beralaun perlahan lagu nyanyiannya.Perasaanku di ketika itu bagai tidak keruan. Berbaur rasa. Gembira, terharu, malu dan entah apa lagi. Kami saling bertatapan. Untuk seketika aku merasakan yang ruang ini milik kami berdua. "I've something for you," ucap Zairi. Sesungguhnya aku tidak menginginkan apa juga pemberian, tapi berilah aku penjelasan tentang di mana letaknya aku dalam hatinya. Jangan biarkan aku terus tertanya-tanya dan tertunggu-tunggu. Tapi kalau diberinya sebentuk cincin, tentulah pemberian itu mempunyai makna. Begitu sekali aku mengharap. posted by liya71

Komen saya:
Kisah masalah lelaki jarang-jarang sekali kita temui dalam novel cinta. Biasa nya novel cinta mesti berkisar masalah wanita yang tak tau pilihan, konflik keluarga, lelaki curang dan akhirnya heroin akan berkawin dengan hero.
Begitu juga Anis Ayuni kali ini mempersembahkan kisah menarik hero dan heroin yang akan disatukan juga akhirnya, tetapi masalah rumahtangga yang terlalu dalam kesannya terhadap isteri, apabila sang suami tidak dapat memainkan peranan sebagai 'suami'. Bukan sahaja suami tertekan, tetapi sang isteri juga. Tetapi kesabaran seorang isteri ada tahapnya.
Hingga merujuk ke mahkamah, Dhira pasrah. Walaupun begitu, dia tetapi menyanyangi Zairi, lelaki yang bergelar suami, yang ada dihati buat selama-lamanya. Menunggu jawapan dari tuntuan Dhira untuk fasakh, Zairi akhirnya memberikan masa untuk 'cool down'. Membawa diri, dengan janji untuk memfailkannya ke mahkamah.
Tiba masa pertemuan itu, Dhira pilu. Barulah dia teringat bergegar Arash pabila menuntut cerai dari suami. Arghhh, Dhira redha bersama Zairi walau dalam susah senang, walaupun Zairi bermasalah memenuhi tuntutan batinnya.. Batin bukan segala2nya pada Dhira kini.. Dia ingin kembali semula kepangkuan Zairi. Detik itu, menunggu menerima fail tuntutannya diserahkan ke tangannya, tetapi sebaliknya yang berlaku......

---

### lotus says

Hanya ada satu sebab kenapa novel ni cuma dapat dua bintang....

Sebabnya,apabila aku yg keboringan mahu membaca novel ini buat kali kedua (pilih novel ni sebab baru lepas interviu Anis Ayuni,)namun aku gagal mhabiskan pembacaan.Hanya sempat beberapa pages sebelum ia kembali disimpan di rak buku milik kakak aku.

Kegagalan aku tadi akhirnya menyumbang kepada pemberian 2 bintang. Mungkin cara aku memberi bintang utk novel ini tidak adil buat penulis. Tapi ADA AKU KESAH???hahaha...

---